



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

PEKELILING REKTOR

Bilangan ... Tahun 2016

Semua Pelajar Universiti Teknologi MARA
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban 3

**PELAKSANAAN PERATURAN BERKENDERAAN DI KOLEJ KEDIAMAN DAN
PERATURAN PENGOSONGAN PARKIR DI HADAPAN KOLEJ KEDIAMAN UiTM
KAMPUS SEREMBAN 3**

TUJUAN

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pelajar yang mendapat kemudahan kolej kediaman mengenai peraturan berkenderaan dan pengosongan parkir di hadapan kolej kediaman UiTM Kampus Seremban 3.

TUJUAN PELAKSANAAN

2. Dimaklumkan keputusan Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan bil. 23 pada 23 Jun 2016 telah bersetuju meluluskan peraturan berkenderaan di Kolej Kediaman UiTM Kampus Seremban 3 dan Peraturan Pengosongan Parkir di Hadapan Kolej Kediaman UiTM Kampus Seremban 3.

3. Para pelajar yang diberi kemudahan kolej kediaman **TIDAK** dibenarkan membawa kenderaan ke kampus, ini adalah kerana terdapat segelintir pelajar yang tidak mematuhi peraturan dan telah membawa kenderaan tanpa kebenaran serta meletakkan kenderaan mereka di merata tempat. Perbuatan ini telah menyebabkan kesesakan parkir kenderaan terutamanya di persekitaran kolej kediaman. Kawasan parkir di kolej kediaman juga perlu dikosongkan bila-bila masa bagi tujuan program universiti, acara sukan atau aktiviti riadah berlangsung.

4. Sehubungan dengan itu, adalah dinasihatkan kepada semua pelajar agar mematuhi peraturan berkenderaan di kolej kediaman dan berharap mereka yang telah diberikan kemudahan ini tidak membawa kenderaan. Tindakan seperti **menarik balik kemudahan kolej kediaman atau tatatertib** akan diambil terhadap pelajar yang ingkar dan tidak mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

PEMAKAIAN

5. Pekeliling ini hendaklah digunakan oleh semua pelajar Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban 3

TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 September 2016**.

Yang benar,



PROF. DR NASRUDIN MOHAMMED
Rektor

24 Ogos 2016

s.k. :

Ketua Polis Bantuan
Penolong Pendaftar Bhgn Hal Ehwal Pelajar
Pengurus Asrama
Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)
Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK)

Bil. Fail : 103 - KNS (PT. 6/7/1)